



ROSMAH Mansor beramah-mesra dengan pelajar-pelajar yang menyertai Program Kem Harapan Sapura selepas merasmikan Program Kem Harapan Sapura di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

IPT disaran bina potensi kanak-kanak

Oleh JAMLIAH ABDULLAH
utusanN9@utusan.com.my

NILAI 12 Jun - Institut pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) di negara ini disaran agar melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan potensi modal insan kanak-kanak.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor berkata, saranan itu termasuk merangkan program khas yang dapat membantu tahap kecemerlangan akademik, akhlak dan kehidupan golongan kanak-kanak.

Katanya, IPT hari ini tidak seharusnya berperanan dan berfungsi sebagai institusi yang memfokuskan kepada aspek pengajian dan kajian akademik semata-mata.

"Daripada pengamatan saya dalam beberapa siri lawatan ke luar negara, saya mendapati fungsi institut pengajian tinggi di sana tidak lagi membataskan peranan hanya sebagai menara gading."

"Sebaliknya mereka keluar daripada kepompong dunia akademik dengan turut terlibat dalam program pembinaan potensi kanak-kanak yang selama ini dianggap uru-

san remeh yang layak diuruskan oleh tadika atau pusat asuhan kanak-kanak," kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perasmian Program Kem Harapan Sapura di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini hari ini.

Menurut Rosmah, usaha seperti itu bukan hanya membantu merubah taraf hidup kanak-kanak terutama dalam kalangan anak yatim dan miskin tetapi akan turut mewujudkan kelompok generasi berkualiti untuk negara pada masa hadapan.

"Sebagai contoh, John Hopkins University di Baltimore Maryland, Amerika Syarikat melalui Pusat Untuk Remaja Berbakat telah terlibat secara khusus dalam menganjurkan perkhemahan musim panas untuk kanak-kanak pintar dan berbakat.

"Begitu juga tidak ketinggalan di negara kita, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengambil inisiatif membangunkan kursus program perkhemahan cuti sekolah pelajar pintar cerdas di bawah program Permata Pintar," ujar beliau.

Justeru, katanya lagi, pendekatan yang sama wajar dirintis oleh IPT dengan mewujudkan program khas

yang dapat membantu merubah tahap kecemerlangan akademik, akhlak dan kehidupan golongan kanak-kanak yang tidak bernasib baik di negara ini.

Menyentuh tentang Kem Harapan Sapura, Rosmah berkata, program anjuran Yayasan Harapan Kanak-kanak Malaysia dan USIM dengan kerjasama Kumpulan Sapura yang diadakan buat kali kedua itu antaranya untuk memberi keyakinan dan harapan kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik.

"Kem Harapan pada tahun ini adalah Kem Harapan yang kedua yang berjaya dianjurkan oleh Yayasan Harapan Kanak-kanak Malaysia selepas kejayaan Kem Harapan 2008 dengan kerjasama Rejimen 10 di Kem Terendak Melaka.

"Apa yang mereka perlukan adalah peluang dan bimbingan secara sistematik yang berterusan.

"Yayasan Harapan Kanak-kanak Malaysia mengambil inisiatif mewujudkan program motivasi dan sahiah diri yang dikenali sebagai Kem Harapan," jelas beliau yang juga sebagai Penaung Yayasan Harapan Kanak-kanak Malaysia.